

## **MAHU MENYAMBUNG PENGAJIAN, TETAPI TIDAK CUKUP SYARAT KELAYAKAN?**

Kepada yang ingin menyambung pengajian tetapi tidak cukup syarat kelayakan, mereka boleh mengambil penilaian APEL.

APEL adalah Accreditation of Prior Experiential Learning (Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu).

APEL membuka peluang kepada individu yang mempunyai pengalaman dalam pekerjaan tetapi kurang kelayakan dalam akademik untuk menyambung pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Senarai tahap, syarat kelayakan mengambil penilaian Apel serta fi bayaran adalah seperti berikut.

<b>Kelayakan Tahap MQF</b>	<b>Syarat Kelayakan Masuk</b>	<b>Fi</b>
<b>Sijil (Tahap 3)</b>	Calon hendaklah berumur 19 tahun ke atas pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.	RM155
<b>Diploma (Tahap 4)</b>	Calon hendaklah berumur 20 tahun ke atas pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.	RM155
<b>Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6)</b>	Calon hendaklah berumur 21 tahun ke atas pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.	RM250
<b>Ijazah Sarjana (Tahap 3)</b>	Calon hendaklah berumur 30 tahun ke atas pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki sekurang-kurangnya STPM / Diploma / serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.	RM370

## Bagaimana hendak mendaftar APEL secara online?

Langkah-langkah adalah seperti berikut berikut :

1. Layari laman web APEL di <http://www2.mqa.gov.my/apel/>
2. Klik menu permohonan
3. Isi borang permohonan
4. Klik hantar



Sekiranya permohonan telah berjaya, pihak MQA akan menghubungi individu tersebut untuk memberi maklumat berkenaan tarikh, masa dan tempat penilaian tersebut akan dibuat.